

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 19/06/2022

Edisi / Muka Surat : Sabah / 2

Tajuk : Menteri KUSKOP ketuai delegasi Malaysia ke Perhimpunan Agung ICA di Sepanyol

**Menteri KUSKOP
ketuai delegasi
Malaysia ke
Perhimpunan Agung
ICA di Sepanyol**

SHAH ALAM: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) Tan Sri Noh Omar akan mengetuai delegasi koperasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) di Seville, Sepanyol yang bermula hari ini hingga 22 Jun ini.

Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) Halim Ibrahim berkata sebanyak 312 koperasi dari 112 negara bakal menyertai perhimpunan agung dan persidangan yang bertemakan 'ICA Cooperatives: The Movement Is Now!'.

Persidangan itu diadakan bagi membincangkan dasar dan hala tuju koperasi serta kolaboratif dalam perkongsian ilmu, kepakaran, teknologi, budaya agar sektor koperasi kekal relevan dalam memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat dan komuniti.

Dalam satu kenyataan di sini, Halim berkata Noh yang juga berada di sana untuk lawatan kerja sehingga 24 Jun dijadual mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Transformasi Digital Sepanyol, Nadia Calviño Santamaría.

"Kunjungan hormat itu bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan membincangkan kerjasama pelbagai bidang yang boleh dijalankan khususnya dalam pembangunan gerakan koperasi dan keusahawanan," jelas beliau.

Selain itu, menteri itu akan mengadakan beberapa pertemuan bersempena dengan pemimpin negara di Seville dan Madrid.

Di samping itu, menerusi lawatan kerja berkenaan, ANGKASA akan turut memuktamadkan memorandum kerjasama dengan Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO) berkenaan pembekalan bahan nano.

"Perjanjian memorandum ini akan memberi manfaat kepada koperasi yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri asas tanah serta sektor perlادangan," tambah Halim. — Bernama